Hektar REIT catat hasil RM30.9 juta suku pertama (Berita Harian – 29 Mei 2025)



Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Hektar Asset Management Sdn Bhd, Zainal Iskandar.

KUALA LUMPUR: Hektar Real Estate Investment Trust (Hektar REIT) merekodkan peningkatan hasil sebanyak 8.9 peratus kepada RM30.9 juta bagi suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 (S1 TK2025), dipacu oleh sumbangan daripada aset pendidikan terbaharu dan prestasi kukuh hartanah runcitnya.

Pendapatan itu meningkat daripada RM28.4 juta yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu, dengan sokongan utama datang daripada Kolej Yayasan Saad (KYS) yang baharu diambil alih serta pertumbuhan positif dalam portfolio pusat beli-belah miliknya.

Bagi tempoh berkenaan, Pendapatan Hartanah Bersih (NPI) meningkat 4.4 peratus kepada RM15 juta, namun Pendapatan Realisasi Bersih susut kepada RM4.2 juta daripada RM5.1 juta setahun lalu. Penurunan itu disebabkan ketiadaan pendapatan penempatan dana sekali sahaja pada suku ini selain sedikit kenaikan dalam kos pentadbiran dan pembiayaan.

Dalam pada itu, selaras dengan komitmen terhadap amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), Hektar REIT mengumumkan kerjasama strategik bersama Samaiden Group Berhad untuk melaksanakan projek solar di lima pusat beli-belah miliknya.

Projek tenaga boleh baharu itu dijangka menjimatkan kos tenaga sebanyak RM2.05 juta setahun atau RM41.3 juta dalam tempoh 20 tahun, selain mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 98,640 tan metrik — bersamaan dengan penanaman lebih 1.97 juta pokok dalam tempoh sama.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Hektar Asset Management Sdn Bhd, Zainal Iskandar, berkata pihaknya berpuas hati dengan prestasi memberangsangkan pada awal tahun ini hasil kepelbagaian strategik portfolio dan pengurusan kos yang berhemat.

"Aset runcit kami terus mencatatkan pulangan sewa yang positif, manakala aset pendidikan memberikan aliran pendapatan konsisten. Keputusan ini mencerminkan disiplin kami dalam mengekalkan kestabilan portfolio," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya optimistik terhadap potensi peningkatan nilai dalam portfolio runcit seiring pelaksanaan inisiatif peningkatan aset (AEI) dan strategi penyewaan baharu yang sedang giat dilaksanakan.

Menurutnya, tanda-tanda awal peningkatan nilai telah pun mula dilihat dengan kadar penghunian kini pada paras tinggi iaitu 85.6 peratus, pulangan sewa yang kukuh serta peningkatan dalam jumlah kunjungan pelanggan ke pusat beli-belah di bawah Hektar Malls.

"Ini seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan hasil menyeluruh dan mencerminkan kekuatan asas operasi kami dalam memastikan daya tahan dalam persekitaran pasaran yang mencabar," katanya.

Hektar REIT kini memiliki dan mengurus enam pusat beli-belah utama iaitu Subang Parade, Mahkota Parade, Wetex Parade, Central Square, Kulim Central dan Segamat Central serta satu institusi pendidikan, KYS.

Dengan langkah pengukuhan portfolio serta tumpuan kepada inisiatif hijau, Hektar REIT terus menampilkan pendekatan holistik dalam meningkatkan nilai pemegang unit sambil memelihara kelestarian alam sekitar.

Zainal berkata, pihaknya akan terus melaksanakan strategi nilai jangka panjang melalui pengurusan aset secara aktif dan pelaburan strategik dalam sektor-sektor berpotensi untuk memastikan pertumbuhan mampan bagi tahun kewangan 2025.